

Jangan cuba buat tuduhan palsu: Samy

BH 10 AUG 2000

KUALA LUMPUR. Rabu - Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, mengingatkan pihak tertentu jangan membuat tuduhan palsu berhubung pelaksanaan projek penswastaan lebuhraya bertol.

"Kalau dia cakap begitu kita boleh dakwa di mahkamah. Kita minta dia jangan keluarkan berita palsu, kalau dia buat berita palsu atau beri aduan tanpa apa-apa butiran, dia akan didakwa di mahkamah. Jangan main-main," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas dakwaan bahawa projek Lebuhraya Seremban-Port Dickson dan Lebuhraya Kulim-Butterworth tidak berdaya maju dan syarikat perunding projek terbabit membuat unjukan yang jauh lebih tinggi.

Dakwaan itu berbangkit herikutan kontroversi akibat peningkatan kadar tol di Lebuhraya Seremban-Port Dickson minggu lalu dan cadangan untuk menaikkan tol di Lebuhraya Kulim-Butterworth.

Bagaimanapun, Kabinet hari ini bersetuju untuk mengkaji semula kadar baru tol di Lebuhraya Seremban-Port Dickson dan Lebuhraya Butterworth-Kulim.

Kedua-dua lebuhraya berkenaan menghadapi masalah untuk meneruskan operasi serta membayar balik pinjaman ber-

ikutan kutipan tol yang jauh lebih rendah daripada unjukan masing-masing.

Hujung tahun lalu, kedua-dua pemegang konsesi lebuhraya berkenaan, Seremban-Port Dickson Highway Sdn Bhd (SPDH) dan Konsortium Lebuhraya Butterworth-Kulim Sdn Bhd, dilaporkan memohon bantuan kerajaan.

Samy Vellu berkata, mana-mana pihak yang ingin membuat dakwaan berhubung penyelewengan dalam projek penswastaan itu perlu melakukannya secara bertulis supaya pihak yang dituduh dapat mempertahankan diri.

"Saya juga boleh dakwa ini tidak baik itu tidak baik. Jalan itu tidak baik, tetapi sesiapa yang benar-benar ingin untuk menyalahkan (mana-mana pihak) dan membuat aduan mestilah secara bertulis

"Jika dia membuat dakwaan palsu maka syarikat terbabit berpeluang menyamannya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku Not For Bread Alone" karya Tan Sri Konosuke Matsushita, dalam versi bahasa Tamil, di sini petang ini.

Samy Vellu juga berkata, hanya pengguna lebuhraya terbabit yang berhak membuat aduan atau dakwaan mengenai lebuhraya itu seperti kadar tol atau kewajaran pembinaannya.

Katanya, kerajaan tidak akan

melayan atau mempertimbangkan aduan atau dakwaan mereka yang tidak kena-mengena dengan lebuhraya berkenaan.

"Mereka dakwa kedua-dua projek itu tidak berdaya saing pada hal mereka tidak mengguna lebuhraya itu. Mereka tidak ada hak komen (mengulas). Siapa pegu di dia punya komen.

"Kita hanya mengambil kira orang yang menggunakan jalan raya itu, beliau mempunyai hak memberi komen, komen itu kita timbang," katanya.

Ditanya apakah syarikat perunding yang sama terbabit dengan kedua-dua projek lebuhraya itu, Samy Vellu berkata:

"Saya tak tahu siapa consultant, saya tak ada rekod consultant, anda perlu rujuk kepada LLM (Lembaga Lebuhraya Malaysia)."

Difahamkan kedua-dua projek lebuhraya itu tidak berdaya maju pada peringkat awal lagi, tetapi mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) berdasarkan kajian dan unjukan syarikat perunding projek.

Syarikat perunding terbabit juga dikatakan terbabit dalam satu lagi projek lebuhraya yang turut menghadapi kontroversi sehingga kerajaan terpaksa membuat perjanjian konsesi baru.

Jabatan Kerja Raya (JKR) dan LLM enggan mengulas perkara itu apabila dihubungi.

Awal tahun ini, Perdana Men-

teri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjelaskan kerajaan terpaksa menaikkan tol untuk mengelak daripada membayar 100 peratus pampasan kepada pemegang konsesi lebuhraya seperti yang disyaratkan dalam perjanjian konsesi.

Pada Mac lalu, Samy Vellu memberitahu Dewan Rakyat bahawa kerajaan akan menukar sistem tol beorientasikan syarikat kepada yang berorientasikan rakyat iaitu sistem berdasarkan keupayaan sebenar rakyat.

Manakala pada persidangan Februari lalu, beliau berkata kerajaan membayar pampasan sebanyak RM82.10 juta kepada syarikat konsesi lebuhraya tahun ini berbanding RMf3.52 juta tahun lalu.

Katanya, peningkatan jumlah pembayaran pampasan adalah disebabkan keputusan kerajaan tidak menaikkan kadar tol berikutan rungutan pengguna.